



## TERMA DAN SYARAT RHB JOY@WORK

### 1. RHB Joy@Work

- a. Untuk tujuan terma dan syarat yang dinyatakan di bawah:
- (i) "CASA" bermaksud akaun semasa atau akaun simpanan pelanggan Program yang dikendalikan dengan RHB Bank;
  - (ii) "CASA-i" bermaksud akaun semasa-i atau akaun simpanan-i pelanggan Program yang dikendalikan dengan RHB Islamic Bank;
  - (iii) "Akaun Gaji" bermaksud CASA atau CASA-i pelanggan Program yang dikendalikan dengan RHB untuk tujuan pengkreditan gaji (semua CASA dan CASA-i kecuali produk CASA-i yang berkonsep Qard);
  - (iv) "RHB" bermaksud secara kolektif, RHB Bank dan RHB Islamic Bank;
  - (v) "RHB Bank" bermaksud RHB Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M));
  - (vi) "RHB Islamic Bank" bermaksud RHB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V));
  - (vii) "Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work" bermaksud ciri, manfaat dan ganjaran pada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh RHB di bawah Terma dan Syarat RHB Joy@Work atau yang mungkin ditawarkan oleh RHB dari semasa ke semasa secara eksklusif kepada pelanggan Program;
  - (viii) "Terma dan Syarat RHB Joy@Work" bermaksud terma dan syarat yang dinyatakan di bawah;
  - (ix) di mana konteksnya mengakui sedemikian:
    - (1) perkataan yang membawa maksud tunggal hendaklah termasuk yang jamak dan sebaliknya;
    - (2) perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk yang perempuan, neutral dan sebaliknya.
- b. RHB Joy@Work adalah satu program korporat ("**Program**") yang memberi manfaat dan keistimewaan yang lebih kepada majikan dan pekerja.
- c. Program terbuka kepada pelanggan berikut ("**Pelanggan yang Layak**"):
- (i) Pelanggan RHB baharu dan sedia ada yang membuka akaun CASA atau CASA-i (kecuali produk CASA-i yang berkonsep Qard) untuk tujuan pengkreditan gaji; atau
  - (ii) Pelanggan RHB sedia ada yang menamakan akaun CASA atau CASA-i (kecuali produk CASA-i berkonsep Qard) sedia ada mereka sebagai akaun pengkreditan gaji.



## 2. Kelayakan RHB Joy@Work

Untuk layak dipertimbangkan oleh RHB untuk berdaftar dalam Program, Pelanggan yang Layak hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- 2.1 Untuk Pelanggan yang Layak yang berdaftar dalam Program melalui majikan syarikatnya yang menandatangani surat tawaran Program
  - 2.1.1 Pelanggan yang Layak yang merupakan pekerja syarikat yang telah berdaftar untuk kemudahan Program dan RHB REFLEX Cash Management.
  - 2.1.2 Pelanggan yang Layak mesti memegang satu akaun CASA atau CASA-i dengan RHB sebagai Akaun Gaji mereka.
- 2.2 Untuk Pelanggan yang Layak yang berdaftar sendiri dalam Program tanpa majikan syarikatnya menandatangani surat tawaran Program
  - 2.2.1 Pelanggan yang Layak mesti bukan pekerja syarikat yang telah berdaftar untuk kemudahan Program dan RHB REFLEX Cash Management.
  - 2.2.2 Pelanggan yang Layak mesti memegang satu akaun CASA atau CASA-i dengan RHB sebagai Akaun Gaji mereka, dan gaji bulanan mereka hendaklah dikreditkan ke Akaun Gaji mereka dengan kriteria berikut:
    - a. Jumlah kredit deposit minima sebanyak RM2,500 sebulan untuk pekerja yang bekerja di sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO); atau
    - b. Jumlah kredit deposit minima sebanyak RM2,000 sebulan untuk pekerja yang bekerja di agensi kerajaan.
- 2.3 Rekod RHB mengenai Pelanggan yang Layak akan dianggap muktamad dan konklusif dan penerimaan dan penerusan sebagai Pelanggan yang Layak adalah mengikut budi bicara RHB berdasarkan kriteria pemenuhan oleh Pelanggan yang Layak.

## 3. Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work

- 3.1 RHB boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, menawarkan ciri dan keistimewaan atas produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pelanggan yang Layak. Senarai ciri dan keistimewaan boleh didapati di laman web RHB di [www.rhbgroup.com/personal/deposits/joy-at-work/index.html](http://www.rhbgroup.com/personal/deposits/joy-at-work/index.html)
- 3.2 Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat bagi produk atau perkhidmatan masing-masing dan berkenaan, yang adalah berasingan daripada Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai terma dan syarat bagi produk atau perkhidmatan yang berkenaan dan/atau untuk melihat dan mendapatkan salinan terma dan syarat bagi produk atau perkhidmatan yang berkenaan, sila mengunjungi mana-mana cawangan kami atau laman web korporat RHB di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) .



- 3.3 Semua manfaat produk yang diperuntukkan sebagai sebahagian daripada Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Umum Perbankan Peribadi RHB yang boleh didapati di laman web RHB di [www.rhbgroup.com/files/others/terms-conditions/personal\\_banking\\_tnc\\_bm.pdf](http://www.rhbgroup.com/files/others/terms-conditions/personal_banking_tnc_bm.pdf).
- 3.4 Untuk menikmati Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work yang berkaitan, Pelanggan yang Layak hendaklah memenuhi kriteria berkaitan dengan Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work dan sebarang kriteria tambahan yang RHB mungkin kenakan selaras dengan Fasal 3.5 dan/atau 5.6.
- 3.5 RHB berhak untuk menggantung, membatalkan, menamatkan, menyekat atau menarik balik Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Selanjutnya, RHB berhak untuk mengemaskini, mengubah atau meminda Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada Pelanggan yang Layak.
- 3.6 Sebarang kemaskini, pengubahan, penggantungan, pembatalan, penamatan, pindaan, sekatan atau penarikan balik atas semua atau sebarang Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work tidak memberikan hak kepada mana-mana Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana orang untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap RHB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana orang yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan kemaskini, pengubahan, penggantungan, pembatalan, penamatan, pindaan, sekatan atau penarikan balik kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan di pihak RHB.
- 3.7 RHB akan mendebitkan Akaun Gaji Pelanggan yang Layak yang ditandai ke Program melalui kredit gaji, termasuk sebarang caj, pada tarikh pengkreditan gaji tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam produk yang dipegang oleh Pelanggan yang Layak (jika ada).
- 3.8 Untuk Pelanggan yang Layak yang mempunyai pinjaman/pembiayaan dengan RHB di bawah Program, tarikh debit harus mengikuti tarikh pengkreditan gaji tanpa mengira tarikh akhir pembayaran pinjaman/pembiayaan. Setelah keluar dari Program, Pelanggan yang Layak memberi kuasa kepada RHB untuk meneruskan arahan tetap untuk mendebitkan Akaun Gaji untuk pembayaran pinjaman/pembiayaan selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan dalam produk pinjaman/pembiayaan yang dipegang oleh Pelanggan yang Layak.
- 3.9 Akan terdapat rebat ke atas kadar keuntungan/faedah yang sedia ada berdasarkan kadar rebat yang telah dipersetujui sebelumnya, kadar pilihan dan keistimewaan lain di bawah Program. Semua keistimewaan tersebut akan hanya dikenakan pembayaran pinjaman/pembiayaan biasa dan akan dihentikan secara kekal setelah Akaun Gaji menjadi ingkar. Untuk tujuan Fasal ini, "pembayaran pinjaman/pembiayaan biasa" bermaksud pembayaran bulanan, suku tahunan, setengah tahun atau tahunan, mengikut mana yang berkenaan, sesuai dengan terma dan syarat yang ditetapkan dalam produk pinjaman/pembiayaan yang dipegang oleh Pelanggan yang Layak.



3.10 RHB mempunyai budi bicara untuk mengembalikan kadar pilihan, rebat, dan keistimewaan yang ditawarkan kepada Pelanggan yang Layak di bawah Program kepada kadar piawai dalam enam puluh (60) hari kerja atau kurang setelah keluar dari Program.

#### 4. Penamatan

4.1 Untuk Pelanggan yang Layak yang berdaftar dalam Program melalui majikan syarikatnya yang menandatangani surat tawaran Program (Fasal 2.1), Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut:

- a. Pelanggan yang Layak gagal mengekalkan pengkreditan gaji bulanan minima ke Akaun Gaji Pelanggan yang Layak untuk enam (6) bulan berturut-turut; atau
- b. Akaun Gaji ditutup oleh RHB atas apa-apa sebab pun yang tidak dikaitkan dengan RHB; atau
- c. Akaun Gaji digantung oleh RHB atas apa-apa sebab pun yang tidak dikaitkan dengan RHB, di mana penyertaan dalam Program akan digantung sehingga penggantungan ditarik balik oleh RHB.

4.2 Untuk Pelanggan yang Layak yang berdaftar sendiri dalam Program tanpa majikan syarikatnya yang menandatangani surat tawaran Program (Fasal 2.2), Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut:

- a. Pelanggan yang Layak gagal mengekalkan pengkreditan gaji bulanan minima ke Akaun Gaji Pelanggan yang Layak untuk tiga (3) bulan berturut-turut; atau
- b. Akaun Gaji ditutup oleh RHB atas apa-apa sebab pun yang tidak dikaitkan dengan RHB; atau
- c. Akaun Gaji digantung oleh RHB atas apa-apa sebab pun yang tidak dikaitkan dengan RHB, di mana penyertaan dalam Program akan digantung sehingga penggantungan ditarik balik oleh RHB.

4.3 Tanpa mengambil kira Fasal 4.1 dan 4.2, RHB berhak untuk menggantung, menamatkan, menolak atau menghentikan hak Pelanggan yang Layak untuk menikmati atau menggunakan Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work setelah memberi notis bertulis terlebih dahulu.

4.4 Setelah penamatan yang disebut dalam Fasal 4.1 atau 4.2, Pelanggan yang Layak hendaklah berhenti menikmati atau menggunakan semua ciri dan keistimewaan yang ditawarkan di bawah Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work dengan serta-merta.

4.5 RHB tidak boleh, dalam apa jua keadaan, dipertanggungjawabkan untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak lain, berkenaan dengan yang berikut:

- (i) Pelanggan yang Layak menikmati dan/atau tidak menikmati dan menggunakan dan/atau tidak menggunakan Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work;
- (ii) Tindakan RHB menamatkan atau menggantung hak Pelanggan yang Layak untuk menikmati atau menggunakan Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work, kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan di pihak RHB.



## 5. Terma dan Syarat Umum

- 5.1 Penggunaan Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work oleh Pelanggan yang Layak akan dianggap sebagai penerimaan oleh Pelanggan yang Layak terhadap Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini.
- 5.2 Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa keputusan RHB berkaitan dengan setiap aspek Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work adalah muktamad, terikat dan konklusif. Sekiranya terdapat perselisihan lebih lanjut, sila menghubungi Pusat Hubungan RHB atau *Ombudsman for Financial Services*, yang perinciannya dinyatakan dalam Fasal 5.19.
- 5.3 Pelanggan yang Layak mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan menerima Notis Privasi Kumpulan RHB (yang boleh didapati di [www.rhbgroup.com/~media/files/malaysia/pdf/privacy-notice.ashx](http://www.rhbgroup.com/~media/files/malaysia/pdf/privacy-notice.ashx)) dan fasal-fasal di dalam Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi mereka. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap digabungkan ke dalam Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini.
- 5.4 Pelanggan yang Layak adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini dan terma dan syarat Perbankan Peribadi RHB.
- 5.5 Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka tidak akan mempertanggungjawabkan dan/atau menjadikan RHB bertanggungjawab atas sebarang keingkaran berhubung dengan Program atas sebab tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), mogok, rusuhan, kekecohan awam, dan tindakan penganas yang tidak berkaitan dengan kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan pihak RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya.
- 5.6 RHB berhak, dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dengan alasan kepada Pelanggan yang Layak sebelum tarikh kuat kuasa, untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadamkan, mengemaskini, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini.
- 5.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat Joy@Work ini, makluman kepada Pelanggan yang Layak tentang Pindaan dan semua makluman dan komunikasi oleh RHB berkaitan dengan Program akan dilaksanakan menurut budi bicara RHB melalui mana-mana satu daripada cara komunikasi berikut:
  - a. melalui *acknowledgement of Receipt* (A.R) pos berdaftar, pos biasa atau perkhidmatan pos laju lain ke alamat Pelanggan yang Layak yang terakhir dalam rekod RHB; atau
  - b. melalui perakuan pos ke alamat Pelanggan yang Layak yang terakhir dalam rekod RHB;
  - c. melalui faksimili, e-mel atau bentuk komunikasi seketika lain (termasuk SMS) ke nombor faksimili, nombor hubungan, nombor telefon bimbit atau alamat e-mel Pelanggan yang Layak yang terakhir dalam rekod RHB; atau
  - d. dengan mempamerkan di premis RHB, termasuk cawangannya; atau
  - e. dengan memaparkan di skrin semasa mengakses laman web RHB di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) ; atau
  - f. dengan menyiarkan iklan tentang pindaan dalam satu akhbar pilihan RHB.



- 5.8 Melainkan Pelanggan yang Layak memberitahu RHB secara bertulis dalam tempoh notis bahawa Pelanggan yang Layak tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut, Pindaan berkenaan akan dianggap mengikat Pelanggan yang Layak dari dua puluh satu (21) hari kalendar selepas tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh kemudian (selepas tempoh dua puluh satu (21) hari calendar yang ditetapkan) sebagaimana yang boleh ditentukan oleh RHB dalam makluman.
- 5.9 Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini boleh dipinda dari semasa ke semasa selaras dengan Fasal 5.6. Sekiranya terdapat sebarang ketidakkonsistenan, konflik, kekaburan atau percanggahan antara Terma dan Syarat RHB Joy @ Work ini dan apa-apa brosur, bahan pemasaran atau promosi lain yang berkaitan dengan Program, Terma dan Syarat Joy @ Work ini akan terpakai.
- 5.10 Masa menjadi asas. Walau bagaimanapun, kegagalan RHB untuk melaksanakan atau kelewatan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan hak, kuasa, keistimewaan atau remedinya terhadap Pelanggan yang Layak tidak akan bertindak sebagai pengecualian hak, kuasa, keistimewaan atau remedinya dan pelaksanaan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi secara separa tidak akan mempengaruhi hak RHB untuk bertindak tegas selaras dengannya.
- 5.11 Mana-mana terma dan syarat dalam Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasa, tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehuatkuasaan sebarang terma dan syarat yang lain dalam Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini.
- 5.12 Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini adalah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank Malaysia, Persatuan Perbankan Islam dan Institusi Kewangan Malaysia dan perbadanan-perbadanan lain yang berkenaan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
- 5.13 Meskipun apa jua perkara yang terkandung di dalam Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini, hak dan kelayakan RHB di bawah Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya selepas sebarang penamatan atau penggantungan Ciri & Keistimewaan RHB Joy@Work oleh RHB.
- 5.14 Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini akan terus sah dan terikat meskipun sebarang percantuman, penggabungan, pemindahan atau penyerahan hak perniagaan, operasi, aset atau liabiliti RHB atau apa-apa perubahan pada RHB atau mana-mana syarikat yang mungkin buat masa itu melaksanakan perniagaan RHB.
- 5.15 Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini adalah sebagai tambahan dan tidak menjejaskan sebarang pengaturan khusus tentang penggunaan atau kenikmatan Ciri & Keistimewaan yang kini atau bakal wujud antara RHB dan Pelanggan yang Layak atau mana-mana terma dan syarat yang mungkin ditetapkan dalam apa-apa surat atau notis yang diberikan oleh RHB dari semasa ke semasa.
- 5.16 Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini akan mengikat pengganti hakmilik dan penerima serah hak RHB dan estet, wakil persendirian dan pengganti hakmilik Pelanggan yang Layak masing-masing, dan hak dan obligasi Pelanggan yang Layak dalam Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini tidak boleh diserahkan hak atas apa jua sebab pun.



- 5.17 Terma dan Syarat RHB Joy@Work ini adalah sebagai tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau peraturan yang mengawal operasi, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berkaitan dengan dan/atau berbangkit di bawah Akaun Gaji Pelanggan yang Layak yang dikendalikan dengan RHB.
- 5.18 Sebarang notis atau dokumen lain dianggap diberikan di bawah atau berkenaan dengan Program ini:
- Jika melalui (A.R) pos berdaftar, pos biasa atau perkhidmatan pos laju lain, notis atau dokumen lain tersebut telah dialamatkan dan diposkan dengan sewajarnya, kecuali ada bukti bertentangan bahawa notis atau dokumen lain itu sebenarnya tidak dihantar; atau
  - Jika melalui perakuan pos, pengakuan dikeluarkan oleh atau di pejabat pos bahawa notis atau dokumen lain telah diposkan dengan sewajarnya, kecuali ada bukti bertentangan bahawa notis atau dokumen lain itu sebenarnya tidak dihantar; atau
  - Jika melalui penghantaran faksimili, e-mel atau bentuk komunikasi seketika lain (termasuk SMS), tiada mesej ralat penghantaran diterima; atau
  - Jika dengan pameran di premis RHB, pada tarikh notis itu dipamerkan di premis RHB; atau
  - Jika dengan paparan di laman web RHB, pada tarikh notis itu dipaparkan di lawan web RHB; atau
  - Jika dengan iklan, pada tarikh notis itu disiarkan dalam akhbar pilihan RHB.
- 5.19 Sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan, sila mengunjungi mana-mana cawangan RHB di seluruh negara, atau menghubungi Pusat Hubungan RHB seperti berikut:

**Pusat Hubungan RHB**

**E-mel:** [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)

**Nombor Telefon:** 03-92068118

**Peti Masuk RHB Now :** <https://logon.rhb.com.my/>

Sekiranya terdapat perselisihan berkenaan dengan Program, sila rujuk kepada *Ombudsman for Financial Services* (OFS) di 03-2272 2811.

Ketahui lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kami melalui pautan berikut:

- Produk and Perkhidmatan: [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)
- Terma dan Syarat: [www.rhbgroup.com/others/terms-conditions/index.html](http://www.rhbgroup.com/others/terms-conditions/index.html)
- Perbadanan Deposit Insurans Malaysia (PIDM) : [www.pidm.gov.my/my](http://www.pidm.gov.my/my)

-Tamat-